

Burukkan imej negara dengan dakyah palsu

Hubungan Malaysia dengan Australia kini dingin – PM

UM 11 APR 1991 (P)

KUALA LUMPUR 10 April -- Perdana Menteri (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) berkata hubungan Kerajaan Malaysia dengan Australia kini dingin.

Beliau menegaskan, tindak-tanduk Kerajaan Australia memburuk-burukkan imej Malaysia dengan dakyah-dakyah palsu menyebabkan kerajaan tidak lagi berminat untuk menjalinkan hubungan yang lebih lanjut dengan negara itu.

"Hubungan kita dengan Australia kini sekadar ikut peraturan... tidak lebih daripada itu.

"Kita tidak faham kenapa Australia begitu benci kepada kita dan membuat dakyah-dakyah palsu serta memburukkan imej Malaysia," katanya ketika menjawab pertanyaan para pemberita apakah benar hubungan Malaysia dengan Australia kini hanya sekadar melepaskan batuk di tangga.

Beliau menegaskan demikian dalam satu sidang akhbar selepas menyampaikan bantuan kepada anak-anak yatim Wilayah Persekutuan di Ibu Pejabat Tabung Haji di sini.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, Malaysia lebih minat menjalinkan hubungan yang baik dengan semua negara, "tetapi kita tidak boleh berbaik-baik kalau mereka tidak mahu berbaik-baik dengan kita."

Beliau menjelaskan, Malaysia mempunyai bukti bahawa terdapat tindak-tanduk pihak-pihak tertentu di Australia yang tidak begitu suka kepada Malaysia bahkan lebih suka untuk memburukkan Malaysia.

Menjawab satu soalan sejak bilakah tindakan memburukkan ini berlaku, Perdana Menteri berkata, Malaysia sudah lama mempunyai bukti mengenai perkara itu.

"Umpamanya mereka membuat satu siri filem yang memburukkan Malaysia... malah mereka membuat bukan satu sahaja filem tetapi ada filem-filem yang memberi gambaran tidak tepat langsung

Oleh
Mohd. Nor Che Mat

mengenai kita yang mungkin memberi kesan terhadap ekonomi negara seperti menghalang kedatangan pelabur asing," ujar beliau.

Kepada satu soalan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak dapat memastikan sejauh mana tindakan Australia itu menjelaskan kemasukan pelaburan kerana pelaburan asing sentiasa meningkat.

"Tetapi kita juga tidak boleh tentukan bahawa ia akan meningkat lagi, jika tidak ada usaha memburukkan kita," tegas Perdana Menteri.

Ditanya apakah Malaysia sudah membuat sebarang bantahan rasmi, Dato' Sri Dr. Mahathir menjawab, tidak ada gunanya bagi Malaysia membuat bantahan secara rasmi.

Mengenai masalah kedatangan pelarian Aceh di Pulau Pinang minggu lalu, beliau berkata, Malaysia belum dapat memastikan apakah benar mereka lari dari rusuhan atau mereka hanya pendatang haram.

"Oleh itu, kita harus siasat dahulu sebelum mentakrifkan mereka sebagai pelarian politik atau pendatang haram sebelum kita mengambil apa-apa tindakan," katanya.

Tambah beliau, Wisma Putra telah berhubung dengan Kedutaan Indonesia tetapi masih belum mendapat sebarang keterangan yang sah daripada mereka.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menafikan bahawa beliau ada berjumpa dengan Ketua Menteri Sabah, Datuk Sri Joseph Pairin Kitingan semalam.

Mengenai kesihatannya, beliau secara berseloroh berkata: "Saya sihat sekarang... kalau-kalau ada cerita bahawa saya akan mati semalam tak taulah."